

Pastikan keteguhan

UM - 2 NOV 2003

SUBANG 1 Nov. — UMNO perlu memastikan keteguhan dan perpaduan parti terus kekal setelah proses penyerahan kuasa dan kini diketuai oleh kepimpinan yang baru.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, UMNO telah pun mempunyai asas rekod yang memuaskan sehingga berjaya membawa

Malaysia kepada kedudukan yang ada masa kini.

“Saya yakin bahawa UMNO akan terus kukuh di bawah kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi,” katanya ketika ditemui di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini selepas mengucapkan selamat jalan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir

Mohamad dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali yang bercuti ke luar negara.

Dr. Mahathir melepaskan jawatan kepada Abdullah yang mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara semalam.

Dr. Mahathir turut melepaskan jawatan Presiden UMNO dan jawatan itu di-pangku oleh Abdullah.

Menurut Najib, semua pihak perlu mengingati bahawa bukan tugas mudah bagi UMNO untuk menjadikan Malaysia sebagaimana yang ada pada masa kini.

“Untuk itu, adalah penting kepada kita untuk

parti kekal

terus mengekalkan perpaduan kerana itu adalah asasnya,” jelasnya sambil menyuarakan keyakinan bahawa UMNO akan terus kukuh sampai pada masa-masa akan datang.

Beliau juga berkata, Dr. Mahathir sudah tentu mempunyai pesannya tersendiri kepada Abdullah untuk memimpin UMNO.

Sementara itu Najib enggan membuat ulasan ketika ditanya berhubung pelantikan Timbalan Perdana Menteri yang baru.

Jelasnya, perkara itu adalah kuasa mutlak Abdullah sebagai Perdana Menteri.

“Saya pasti Datuk Seri Abdullah tahu apa yang patut dia buat,” katanya.